



MUHAMAD ZAHIRI AWANG MAT,
NORAINI ABD RAHMAN & SAFIRA AWANG

Kajian Tindakan Kaedah *Nasyid* dalam Membaiki Bacaan *Tahiyat* dalam Kalangan Murid-murid Sekolah Rendah

ABSTRAKSI: Ibadah dalam Islam mempunyai impak atau kesan yang mendalam dalam kehidupan Muslim, terutama dalam konteks hubungan makhluk dan Penciptanya. Dalam erti kata bahawa ibadah sholat, puasa, zakat, haji, serta ibadah lain lagi, yang dilakukan manusia, adalah untuk mendapat keredahan Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala). Dalam pada itu, penekanan bacaan dalam sholat sangat penting untuk membentuk insan yang soleh dan mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT. Sholat merupakan tiang agama dan sholat yang sempurna, iaitu merangkumi bacaan yang lancar dan sempurna, akan melahirkan generasi Islam yang lebih berkualiti. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengukuhkan tahap pembacaan dan hafazan "*tahiyat*" dalam sholat dengan baik dan lancar melalui kaedah "*nasyid*". Kajian ini menggunakan kaedah latihan melalui bacaan "*tahiyat*" responden dan ujian pos, iaitu selepas kaedah "*nasyid*" diperkenalkan. Seramai 27 orang responden Tahun 2 Sekolah Rendah telah dipilih sebagai subjek dalam kajian ini. Hasil daripada pemerhatian selepas kaedah "*nasyid*" diperkenalkan, terdapat peningkatan yang ketara terhadap penguasaan responden, iaitu sebanyak 52% telah berjaya membaca dan menghafaz "*tahiyat*" dengan baik dan lancar. Keputusan ujian juga menunjukkan bahawa kaedah "*nasyid*" mampu membantu responden untuk membaca serta menghafaz bacaan "*tahiyat*" dalam sholat dengan baik dan lancar.

KATA KUNCI: Pengajaran, kaedah *nasyid*, sholat, bacaan *tahiyat*, kaedah pengajaran, latihan-tubi, pelajar Sekolah Rendah, menghafaz bacaan, dan generasi belia Islam yang berkualiti.

ABSTRACT: "Action Research in Improving the Tahiyat Reading among Primary Schools Pupils Using Nasyid Method". Worship in Islam has had a profound impact or effect of living in the Muslim, particularly in the context of relationship between the creature and his Creator. In the sense that praying, fasting, charity, pilgrimage, and other religious again, which humans do, is to get the blessing of Allah. Meanwhile, the emphasis of reading in prayer is essential to establish a righteous man and able to take responsibility as a Caliph of Allah. Prayer is the pillar of religion and perfect prayer, which includes reading smoothly, will create a generation of better quality. This study is aimed at strengthening the level of reading and memorizing "*tahiyat*" in prayer smoothly through the "*nasyid*" method. This study using drill method towards respondents and posttest after "*nasyid*" methods introduced. A total of 27 respondents, pupils year 2 at Primary School have been chosen as the subjects in this study. The results of the observations indicated that after "*nasyid*" method was introduced, there was a significant increment towards respondents result, namely: 52% were successfully read and memorize "*tahiyat*" well and smoothly. The test results also show that "*nasyid*" method is capable to help respondent in improving "*tahiyat*" proficiency.

KEY WORD: Teaching, "*nasyid*" method, prayers, "*tahiyat*" reading, teaching method, drill method, pupils of Primary School, memorize the reading, and quality Islamic young generation.

About the Authors: **Muhamad Zahiri Awang Mat** ialah Pensyarah di Kulliyah of Education IIUM (International Islamic University of Malaysia), Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia. **Noraini Abd Rahman** dan **Safira Awang** ialah Pelajar di Kulliyah of Education IIUM, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus di: zahiri@iium.edu.my dan salwa.sawari@gmail.com

How to cite this article? Awang Mat, Muhamad Zahiri, Noraini Abd Rahman & Safira Awang. (2016). "Kajian Tindakan Kaedah *Nasyid* dalam Membaiki Bacaan *Tahiyat* dalam Kalangan Murid-murid Sekolah Rendah" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Vol.1(1), February, pp.29-36. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2443-1776.

Chronicle of the article: Accepted (September 17, 2015); Revised (November 17, 2015); and Published (5 February 2016).

PENDAHULUAN

Ibadah dalam Islam merupakan kemuncak dari perasaan tunduk dan patuh kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dan klimaks dari perasaan yang merasakan kebesaran Allah SWT sebagai tempat pengabdian diri (Aswati, 2014). Ibadah dalam Islam adalah penghubung antara makhluk dan Penciptanya (Zainuddin, 2014). Selain dari itu, ibadah dalam Islam juga mempunyai impak atau kesan yang mendalam dalam kehidupan Muslim, terutama dalam konteks hubungan makhluk dan Penciptanya.

Tidak ada perbezaan antara rukun-rukun Islam dalam bidang ini. Dalam erti kata bahawa ibadah sholat, puasa, zakat, haji, serta ibadah lain lagi, yang dilakukan manusia, adalah untuk mendapat kerediaan Allah SWT dan memelihara syariat-Nya adalah sama (*cf* Safrilsyah, Baharudin & Duraseh, 2010; Hasanah, 2011; dan Ishak, 2011). Sholat, contohnya, merupakan perintah yang diwajibkan oleh Allah SWT kepada individu Muslim berdasarkan firman-Nya didalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Baqarah*, ayat 43, yang maksudnya: “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang, dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”.

Abdul Halim Mahmud (1981) mengatakan bahawa sembahyang dalam kaca mata Islam ialah tiang agama, siapa yang mendirikan agama sama seperti mendirikan agama, dan siapa yang meninggalkannya sama seperti merobohkan agama (Mahmud, 1981). Didalam melaksanakan perintah ini terdapat segolongan Muslim yang mengalami kesukaran dalam melafazkan bacaan dalam dalam sholat (Yunus, 2012).

Bukan itu sahaja, masih lagi terdapat banyak kesalahan yang perlu diperbaiki, terutama apabila kita membaca bacaan ketika sholat (Al-Misri, 2011). Malahan, apabila seseorang itu merasakan dirinya sempurna dari setiap perkara, sebenarnya dia masih lagi kekurangan walaupun seseorang itu merasakan dirinya betul. Penekanan dalam bacaan sholat sangat penting untuk mencapai matlamat bagi membentuk insan yang soleh dan mampu

memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT. Sholat yang sempurna juga mampu melahirkan generasi Islam yang lebih berkualiti.

Justeru itu, penyelidikan merasakan adalah menjadi satu kewajipan untuk dilakukan kajian ke atas permasalahan pembacaan *tahiyat*, khususnya di kalangan responden Tahun 2 Sekolah Kebangsaan agar dapat diteliti kelemahan yang ada dan dapat melaksanakan beberapa penambahbaikan. Diharapkan melalui kajian ini, umat Islam umumnya mempunyai kesedaran dan memberi penekanan terhadap kepentingan pembacaan dalam sholat.

KAJIAN LITERATUR

Perubahan paradigma dalam sistem pendidikan menuntut dan menggesa para pendidik membuat perubahan, dimana salah satu elemen penting dalam perubahan ialah kreativiti (Ali Muda, 1994). Seorang pendidik yang hebat bukanlah diukur berdasarkan kepada kemahiran mengajarnya semata-mata, tetapi juga kreativiti yang ditonjolkan dalam setiap sesi PdP (Pengajaran dan Pembelajaran) yang disampaikan (*cf* Sawari & Mat, 2014a dan 2014b; dan Sawari & Mustaffa, 2014).

Menurut Noraini Ahmad (2003); N.F.M. Amin & N.Z.N. Yaacob (2011); dan M.F. Rosli & B. Omar (2013), penggunaan iringan irama lagu dengan rentak tertentu dalam pengajaran dapat menguatkan lagi daya ingatan, kerana disamping mengurangkan kebosanan, ia dapat mempertingkatkan minat dan mendorong penumpuan (Ahmad, 2003; Amin & Yaacob, 2011; dan Rosli & Omar, 2013).

Pendapat ini selari dengan kenyataan daripada Haji Abdul Fatah Hassan (1990) dan N.S. Othman & M.F. Ali (2012), yang menyatakan bahawa pada biasanya maklumat yang boleh menimbulkan emosi dan seronok akan lebih mudah menarik perhatian daripada maklumat yang tidak menyeronokan (Hassan, 1990; dan Othman & Ali, 2012).

Semakin menarik maklumat itu kepada diri seseorang, semakin mudah maklumat itu

diingatkan. Semakin mudah maklumat itu diingatkan, semakin mudah pula maklumat itu dirakamkan kedalam ingatan jangka panjang. Maka dengan itu, pengkaji berasakan bahawa kaedah *nasyid* sangat sesuai untuk digunakan bagi menghafaz bacaan *tahiyat*, kerana iringan irama lagu *nasyid* tersebut mampu menguatkan daya ingatan, selain melancarkan bacaan murid.

Penggunaan melodi lagu, yang biasa didengar oleh murid, memudahkan lagi mereka mengingati lagu tersebut kerana, menurut C.F. Savin (2001) dan A.A. Rahman & M.A. Rahman (2013), penggunaan lagu yang dikenali umum dalam pengajaran di bilik darjah memberikan satu pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan. Murid tidak terikat dengan cara pengajaran guru yang tradisional, iaitu menghafaz *tahiyat* dengan cara mengingat dan membacanya berulang-ulang kali (Savin, 2001; dan Rahman & Rahman, 2013).

Melalui penggunaan lagu *nasyid*, murid akan menjadi lebih seronok untuk menghafaz bacaan *tahiyat*, kerana mereka bersama-sama mengalunkan lagu *nasyid* tersebut. Ini turut disokong oleh Mok Soon Sang & Lee Shok Mee (1989), yang mengatakan bahawa menyanyi adalah aktiviti yang berlaku dalam kehidupan kita yang sebenar. Aktiviti ini boleh dibawa ke bilik darjah sebagai satu kegiatan lisan yang menarik, disamping menjadikan nyanyian sebagai medium terbaik dalam mengukuhkan ingatan murid (Sang & Mee, 1989).

Kesimpulannya, kaedah *nasyid* bukan sahaja mampu menarik minat murid, malahan turut membantu murid untuk menghafaz bacaan *tahiyat* serta memudahkan mereka untuk membacanya dengan lancar.

FOKUS KAJIAN DAN KEDAH PENYELIDIKAN

Berdasarkan sukatan pelajaran KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) Pendidikan Islam Tahun 2 di Malaysia, terdapat enam komponen yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid, iaitu: *Al-Qur'an*, *akidah*, *ibadat*, *sirah*, *akhlak*, dan *Jawi*. Di

dalam komponen sholat, murid didedahkan dengan topik asas kewajipan seorang Muslim, iaitu pelaksanaan sholat yang betul.

Topik sholat juga dinilai berdasarkan amali yang dijalankan secara individu. Kriteria yang dinilai didalam amali sholat, termasuklah bacaan asas sholat, seperti *Al-Fatihah*, bacaan rukuk, iktidal, sujud, bacaan duduk di antara dua sujud, dan bacaan *tahiyat* awal dan akhir.

Kajian ini menitikberatkan kemahiran membaca *tahiyat*, yang mengambil kira aspek sebutan serta kelancaran murid ketika membaca bacaan tersebut. Tujuan kajian ini dijalankan ialah mengkaji sejauhmana kaedah *nasyid* dapat meningkatkan penguasaan bacaan *tahiyat* dalam sholat dengan betul dan lancar. Sekiranya tidak diatasi, pengkaji bimbang bahawa masalah kelemahan *tahiyat* akan memberi kesan kepada murid, kerana bacaan *tahiyat* sangat penting untuk seseorang menunaikan sholat.

Sampel kajian ini terdiri daripada 27 orang murid Tahun 2 di Sekolah Kebangsaan, iaitu seramai 13 orang murid lelaki dan 14 orang murid perempuan. Majoriti taraf sosio-ekonomi bagi kumpulan sasaran ini ialah sederhana. Mereka dipilih selepas pemerhatian dilakukan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dilakukan melalui ujian bacaan pra.

Pada peringkat permulaan, pengkaji menyedari masalah pembacaan murid setelah melakukan ujian bacaan dan pemerhatian ke atas 27 orang murid Tahun 2. Setelah itu, kaedah *nasyid* diperkenalkan untuk membantu murid menghafaz dan membaca *tahiyat* dengan betul dan lancar.

Pengkaji menggunakan CD (*Compact Disk*) untuk memainkan lagu *nasyid* tersebut. Kemudian, murid akan mendengar dan cuba melagukan *nasyid* tersebut dengan bacaan *tahiyat*. Mereka bersama-sama ber-*nasyid* didalam kelas. Proses ini dilaksanakan selama 2 minggu untuk memastikan bahawa murid dapat membaca dan menghafaz *tahiyat* dengan betul dan baik.

Pada peringkat seterusnya, ujian bacaan pos dilaksanakan untuk merekod bacaan 27 orang

Jadual 1:
Pelaksanaan Kajian

Langkah dan Tarikh	Cara Penilaian	Kumpulan Sasaran	Tujuan
Langkah 1 (10 Mac 2015)	Penyediaan proposal	--	Mengenal pasti masalah
Langkah 2 (13-14 April 2015)	- Pemerhatian - Ujian Pra (mendengar bacaan murid)	27 orang murid Tahun 2	
Langkah 3 (20 April 2015)	- Menilai dan merekod bacaan - Mengenalpasti tahap bacaan murid	27 orang murid Tahun 2	
Langkah 4 (22 April – 6 Mei 2015)	- Melaksanakan kaedah <i>nasyid</i>	27 orang murid Tahun 2	
Langkah 5 (6-8 Mei 2015)	- Ujian Pos - Menganalisis data		- Dapatan kajian telah diperolehi
Langkah 6 (11-18 Mei 2015)	- Menulis laporan		

murid Tahun 2. Ujian ini dilaksanakan secara berperingkat, iaitu pengkaji memanggil 5 orang murid untuk setiap kali ujian bacaan. Ujian bacaan tersebut direkod dan datanya diproses dalam bentuk kualitatif, yang diwakili dengan peratusan. Jadual 1 merupakan pelaksanaan yang menggariskan penggunaan masa oleh pengkaji ketika melaksanakan kajian ini.

Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kualitatif, iaitu pelaksanaan ujian pra (pemerhatian) dan ujian pos.

Mengenai Ujian Pra (Pemerhatian).

Bentuk pelaksanaan penilaian adalah melalui pemerhatian yang dijalankan ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui ujian bacaan yang dijalankan, iaitu ujian bacaan *tahyyat*, pengkaji dapat mengumpul maklumat mengenai penguasaan murid dalam bacaan tersebut, yang kemudiannya direkodkan. Proses ini dilakukan secara berperingkat, bermula dengan 5 orang murid sahaja.


Mengenai Ujian Pos. Penilaian ini dilakukan setelah pengkaji memperkenalkan kaedah *nasyid* bagi mengatasi masalah bacaan *tahyyat* di kalangan murid Tahun 2. Bacaan murid direkod dan perbandingan dibuat untuk membandingkan kadar peratusan penguasaan murid ketika membaca *tahyyat*, sebelum dan

selepas kaedah *nasyid* diperkenalkan.

Terdapat beberapa langkah yang telah dilaksanakan sebelum ujian pos ini, iaitu: merekod dan menilai tahap bacaan *tahyyat* para pelajar; kemudian guru melaksanakan kaedah *nasyid* dengan memberi setiap orang pelajar lirik *tahyyat*; selepas itu semua pelajar diperdengarkan *nasyid tahyyat*; selepas diperdengarkan *nasyid* ini para pelajar akan mengikut bersama-sama secara berulang kali; dan selepas pelaksanaan proses ini barulah ujian pos dilaksanakan untuk melihat kesan *nasyid* ini kepada para pelajar.

ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN

Data daripada kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Melalui penggunaan carta pai, yang merekodkan, perbandingan penguasaan bacaan *tahyyat* murid, sebelum dan selepas kaedah *nasyid*, diperkenalkan. Berdasarkan kaedah pemerhatian ketika sesi pembelajaran dan pengajaran, pengkaji mendapati hampir separuh murid belum menguasai bacaan *tahyyat* dengan baik. Bacaan yang direkod menunjukkan bahawa murid tidak membacanya dengan betul dan terdapat murid yang tersekat-sekat ketika membaca *tahyyat*.



Rajah 1:
Pemerhatian Bacaan *Tahiyat* Murid Tahun 2 Melalui Ujian Pra

Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa sebahagian murid Tahun 2 masih lemah dan masih belum menguasai kemahiran membaca bacaan dalam sholat dengan betul dan lancar.

Hasil Kajian terhadap Ujian Pra. Rajah 1 berikut merupakan hasil daripada pemerhatian dan keputusan ujian pra, yang dijalankan terhadap 27 orang murid Tahun 2.


Rajah 1 menunjukkan pemerhatian yang dilakukan terhadap murid Tahun 2 melalui Ujian Pra bacaan *tahiyat*. Berdasarkan keputusan dari rajah 1, daripada 27 orang murid, hanya 3 orang murid, iaitu sebanyak 11% sahaja, yang boleh menguasai bacaan *tahiyat* dengan baik dan lancar. Seramai 7 orang murid, iaitu mewakili sebanyak 26% di peringkat sedang, menguasai bacaan. Ini bermakna bahawa mereka boleh membaca *tahiyat*, tetapi bacaan mereka tidak lancar serta tidak menguasai sebutan dengan baik. Selebihnya, iaitu 17 orang murid yang mewakili sebanyak 63%, masih belum menguasai bacaan tersebut.

Hasil Kajian terhadap Ujian Pos. Analisis data berdasarkan ujian bacaan setelah kaedah *nasyid* diperkenalkan adalah seperti nampak dalam rajah 2.

Berdasarkan rajah 2 didapati bahawa sebanyak 14 orang murid, iaitu mewakili 52% murid, telah menguasai bacaan *tahiyat* dengan baik dan lancar. Seramai 7 orang murid, iaitu sebanyak 26% masih di tahap sedang, menguasai bacaan; manakala selebihnya, iaitu seramai 6 orang murid (22%), masih belum menguasai bacaan *tahiyat* dengan baik dan lancar.

Jika dilihatkan perbandingan ujian pra dan pos, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa kaedah *nasyid* yang diperkenalkan kepada murid Tahun 2 ini memberikan kesan yang positif terhadap bacaan *tahiyat* mereka. Sebelum kaedah *nasyid* digunakan, hanya 11% murid sahaja yang betul-betul menguasai bacaan dengan baik dan lancar. Setelah kaedah *nasyid* dilaksanakan, terdapat peningkatan yang ketara terhadap peratusan murid yang menguasai bacaan *tahiyat* dengan lancar, iaitu sebanyak 41% peningkatan.

Peratusan murid yang tidak menguasai bacaan juga menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 41%, ertinya dari 63% kepada 22%. Ini menunjukkan bahawa kaedah menghafaz *tahiyat* dengan cara ber-*nasyid* membantu murid yang lemah untuk memperbaiki bacaan *tahiyat* mereka.



Rajah 2:
Ujian Bacaan Selepas Kaedah *Nasyid* Dilaksanakan

KESIMPULAN

Kaedah *nasyid* dapat membantu mengatasi masalah bacaan *tahyyat* dalam sholat di kalangan murid Tahun 2 Sekolah Kebangsaan di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk membantu murid Tahun 2 di Sekolah Kebangsaan yang lemah dalam bacaan *tahyyat*. Kaedah *nasyid* telah digunakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid. Hasilnya terdapat peningkatan dalam bilangan murid yang dapat menguasai dan sedang menguasai bacaan, manakala murid yang belum menguasai bacaan telah berkurang. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa objektif kajian, iaitu membantu murid membaca *tahyyat* dengan baik, lancar, dan fasih, telah tercapai.

Terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain, berkaitan dengan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran bagi murid yang lemah bacaan dalam sholat. Antaranya ialah:

Pertama, mengadakan program-program agama, seperti kem *smart* sholat oleh pihak sekolah. Penganjuran program ini dapat membantu murid menguasai kemahiran serta

bacaan ketika sholat melalui pengisian slot-slot yang bermanfaat, seperti amali sholat. Guru-guru dapat membetulkan kesalahan murid ketika bacaan sholat dan seterusnya memberikan ruang kepada murid untuk membaiki bacaan sholat mereka dengan lebih baik.

Kedua, meneruskan penggunaan kaedah *nasyid* untuk mempertingkatkan bacaan dalam sholat. Berdasarkan kajian yang dilakukan, murid lebih cenderung untuk menghafaz bacaan apabila mengalunkan *nasyid*, yang diiringi oleh muzik serta melodi. Daya ingatan murid lebih tajam dan mereka lebih mudah untuk menghafaz bacaan sholat ketika ber-*nasyid*. Selain itu, sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik.

Ketiga, menjadikan setiap murid yang lemah sebagai anak angkat kepada setiap guru Islam di sekolah. Melalui program anak angkat, atau program *mentor-mentee* ini, murid yang lemah akan mendapat perhatian yang khusus dari *mentor* mereka. Segala masalah yang berhubungan dengan pembelajaran, pembentukan akhlak, dan sebagainya adalah dibawah tanggungjawab *mentor* tersebut. Cadangan ini mampu mengurangkan

masalah pembelajaran serta akhlak murid, kerana terdapat *mentor* yang membantu serta membimbing mereka.

Dengan beberapa cadangan yang telah diutarakan mungkin dapat membantu pengkaji seterusnya untuk menjalankan kajian, sebagai cara penyelesaian masalah yang timbul. Diharapkan juga, melalui kajian yang dilaksanakan ini, dapat membantu guru-guru di luar sana, yang turut mengalami masalah yang sama, iaitu masalah bacaan murid dalam sholat.

Kajian yang dijalankan ini adalah berdasarkan situasi yang dihadapi di sekolah pengkaji. Melalui penerokaan kaedah *nasyid* ini, ia telah membuka ruang kepada murid untuk membaiki bacaan sholat mereka dan mereka lebih mudah untuk menghafaz bacaan *tahiyat* dalam sholat tersebut.¹

Referensi

- Ahmad, Noraini. (2003). "Menguatkan Ingatan". Tersedia secara online juga di: <http://books.google.com.my> [dimuat-turun di Gombak, Malaysia: 23hb Februari 2015].
- Ali Muda, Haji Mohd. (1994). "Isu Kreativiti dan Tuntutan Perubahan dalam Pendidikan" dalam *Warta Pendeta: Jurnal Pendidikan Terengganu*, 1(1), ms.53-60.
- Al-Misri, M. (2011). *400 Kesalahan dalam Solat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Amin, N.F.M. & N.Z.N. Yaacob. (2011). "Keberkesanan Kaedah Nyanyian dalam Meningkatkan Ingatan Murid Tahun 5 Bagi Tajuk 'Kitaran Air'. *Projek Penyelidikan Tidak Diterbitkan*.
- Aswati, A.T. (2014). "Nilai-nilai Pendidikan Etika Sosial dalam Al-Qur'an: Kajian Al-Qur'an, Surah Al-Hujurat, Ayat 11-13". *Disertasi Doktorat Tidak Diterbitkan*. Surabaya, Indonesia: UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Ampel.
- Hasanah, M. (2011). "Hubungan Intensitas Mengikuti Training *Emotional Spiritual Quotient* (ESQ) terhadap Etos Kerja Karyawan PT Karya Toha Putra Semarang: Studi Analisis Bimbingan dan Konseling Islam". *Disertasi Doktorat Tidak Diterbitkan*. Semarang, Indonesia: IAIN [Institut Agama Islam Negeri] Walisongo.
- Hassan, Haji Abdul Fatah. (1990). *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Ishak, P. (2011). "Upaya Meningkatkan Hasil Belajar Peserta Didik Menggunakan Strategi Pemodelan (*Modeling*) pada Mata Pelajaran Fiqih Materi Pokok Haji Kelas V MI Raudlatul Syubban Kincir Wegil Sukolilo Pati Tahun Ajaran 2010/2011". *Disertasi Doktorat Tidak Diterbitkan*. Semarang, Indonesia: IAIN [Institut Agama Islam Negeri] Walisongo.
- Mahmud, Abdul Halim. (1981). *Isra' dan Mi'raj: Satu Analisa Baru*. Singapura: Terbitan Pustaka National.
- Othman, N.S. & M.F. Ali. (2012). "Meningkatkan Kemahiran Mengingat Nama-nama Benua di Dunia dan Kedudukan Malaysia di Peta Dunia Melalui Kaedah Nyanyian" dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG*. Kuala Lumpur: IPG [Institut Pendidikan Guru] Malaysia.
- Rahman, A.A. & M.A. Rahman. (2013). "Keberkesanan Kaedah Nyanyian dalam Meningkatkan Daya Ingatan Murid Tahun 4 bagi Topik Jenis-jenis Rumah Tradisional di Malaysia" dalam *Penyelidikan Tindakan PISMP 2013*, 2(4).
- Rosli, M.F. & B. Omar. (2013). "Penggunaan Teknik Nyanyian dan Mnemonik (Ndm) dalam Meningkatkan Penguasaan Kata Sendi Nama 'dari Murid Tahun Tiga' dalam *Penyelidikan Tindakan PISMP 2013*, 2(7).
- Safriylah, S., R. Baharudin & N. Duraseh. (2010). "Religiusitas dalam Perspektif Islam: Suatu Kajian Psikologi Agama" dalam *Substantia*, 12(2).
- Sang, Mok Soon & Lee Shok Mee. (1989). *Latihan Mengajar untuk Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Savin, C.F. (2001). "Tune-in to Biology: Music in the Science Classroom". Tersedia secara online juga di: http://www.science.subaru.com/teaching_ideas/carolsavin [dimuat-turun di Gombak, Malaysia: 14hb Februari 2015].
- Sawari, S.S.M. & A. Mustaffa. (2014). "Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku *Adab Al-Mualimin*" dalam *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), July.
- Sawari, S.S.M. & M.Z.A. Mat. (2014a). "Concept of Teacher Education According to Ibnu Sahnun and its Relevance to the Current Educational System". *Paper presented in the Current Educational System, 5th Social Sciences Postgraduate National Seminar in USM [Universiti Sains Malaysia], on 16th December.*

¹**Kenyataan:** Dengan ini kami membuat kenyataan bahawa kertas ini adalah karya kami peribadi, ianya bukanlah dapatan daripada amalan plagiarism. Kertas ini pula belum dihantar dan belum diterbit oleh mana-mana jurnal, sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Kami sanggup menerima hukuman secara akademik apabila kenyataan yang kami buat itu tidaklah betul alias menipu.

- Sawari, S.S.M. & M.Z.A. Mat. (2014b). "Harmonizing Al-Qabisy's View and Practice of j-QAF Programme in Malaysian Primary School" dalam *Asian Journal of Management Sciences & Education*, 3(1), ms.153-162.
- Yunus, M. (2012). "Efektivitas Kartu Sholat dalam Meningkatkan Ibadah Sholat pada Peserta Didik MAN Godean Sleman Yogyakarta". *Disertasi Doktorat Tidak Diterbitkan*. Yogyakarta, Indonesia: UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Kalijaga.
- Zainuddin, N. (2014). "Ulasan Buku: Media dan Masyarakat Muslim" dalam *Southeast Asia Psychology Journal*.